**Bahagian B**

[30 markah]

**Soalan 21**

(a) Pilih perkataan sinonim yang paling sesuai bagi perkataan bergaris.

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Kakak Ruban memakai Pattu Pavadai yang cantik semasa _______ Deepavali. | | memakai |
| ii. | Masyarakat Orang Asli _______ tempok sebagai hiasan kepala. | | menyambut |
| iii. | Masyarakat India _________ thoranam di hadapan rumah mereka semasa perayaan Deepavali. | | mengiringi |
| iv. | Bunga manggar digunakan untuk ________ pasangan pengantin dalam majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu. | | memasang |

[3 markah]

(b) Tulis BETUL atau SALAH pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Shahirah menyimpan pakaian lama yang masih elok kerana mahu memberikan pakaian itu kepada adiknya. | |
| 2 | Herrara suka menggunakan tenaga solar yang mescra alam. | |
| 3 | Haziqah mempunyai sepasang baju kurung yang berwarna merah. | |
| 4 | Aidil menguruskan sasi pepejal dapur dengan baik untuk mengelakkan pencemaran bau. | |
| 5 | Chun Kai sering mengunjungi taman sains yang menjadi habitat kepada pelbagai jenis haiwan seperti burung-burung dan pepatung. | |

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 22**

**Baca maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

**Panduan Berbelanja**

**Sebelum**
*membuat senarai barangan yang hendak dibeli
*merancang tempat untuk berbelanja

**Semasa**
*mengawal perbelanjaan
*jangan mudah terpengaruh dengan tawaran istimewa
*membuat perbandingan harga

**Selepas**
*memeriksa resit pembelian
*mengira wang yang telah dibelanjakan
*mencatat dalam buku rekod perbelanjaan
*menyimpan wang baki di dalam tabung atau bank

(a) Sebelum berbelanja. kita patut ________________________________

yang hendak dibeli dan merancang tempat untuk berbelanja.

[1 markah]

(b) Kita perlu ____________________________________________________

____________________________________________________

____________________________________ semasa berbelanja.

[3 markah]

(c) Selepas berbelanja, kita harus ____________________________________

____________________________________________________

____________________________________________________ dan

menyimpan wang baki di dalam tabung atau bank.

[3 markah]

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 23**

**Baca maklumat di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

**Datuk Lee Chong Wei**

Lahir pada 21 Oktober 1982 di Bagan Serai, Perak.

Pemain badminton profesional Malaysia.



Mula belajar badminton ketika berusia 11 tahun.

Dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Lelaki oleh Badminton World Federation (BWF) sebanyak lima kali

Antara kejayaan Datuk Lee ialah:
*memenangi dua pingat emas pada Sukan Komanwel 2006.
*memenangi Kejuaraan All England sebanyak empat kali.
*memenangi Anugerah Olahragawan Negara sebanyak empat kali
*memenangi pingat perak Sukan Olimpik sebanyak tiga kali

Berkahwin dengan rakan sepasukannya Wong Mew Choo dan dikurnialan dua orang cahaya mata

(a) Datuk Lee Chong Wei ialah seorang ______________________________

______________________________________________________.

[1 markah]

(a) Datuk Lee Chong Wei dilahirkan pada __________________________

di ____________________________________________________.

[2 markah]

(b) Datuk Lee Chong Wei ____________________ Pemain Terbaik Lelaki oleh

___________________________________ sebanyak lima kali.

[2 markah]

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 24**

**Baca jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

## Program Cintai Negara Sempena Bulan Kemerdekaan

Tarikh : 26 dan 27 Ogos 2021

Tempat : Dewan SJKC Alor Gajah

Anjuran : Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SJKC Alor Gajah

| Hari / Masa | 8:00 pagi – 10:00 pagi | 10:30 pagi – 12:00 tengah hari |
|---|---|---|
| Sabtu | Pertandingan Melukis Poster bertemakan Hari Kemerdekaan | Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik |
| Ahad | Pertandingan Deklamasi Puisi bertemakan semangat patriotik | Majlis penyampaian hadiah dan penutup |

(a) Program Cintai Negara Sempena Bulan Kemerdekaan dianjurkan pada

______________________________.

[1 markah]

(b) Program Cintai Negara Sempena Bulan Kemerdekaan dianjurkan oleh

____________________________________________________.

[1 markah]

(c) Program Cintai Negara Sempena Bulan Kemerdekaan diadakan di mana?
Program Cintai Negara Sempena Bulan Kemerdekaan diadakan di

________________________________________________________

[1 markah]

(d) Nyatakan dua program yang diadakan pada hari pertama.

i. ___________________________________________________

ii.___________________________________________________

[2 markah]

(e) Tulis kebaikan program-program ini kepada para peserta.

i. ___________________________________________________

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 25**

**Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.**

Jia Yi, Wen Xuan, Wei Yong dan Cai Xuan berminat untuk membuka gerai semasa Karnival Keusahawanan di sekolahnya. Keuntungan yang diperoleh daripada jualan itu akan didermakan kepada kelab kebajikan sekolah.

Mereka telah mencapai sepakat kata untuk menjual alat tulis seperti penanda buku, bingkai gambar dan bekas pensel yang diperbuat daripada botol plastik.

Jia Yi dan Wen Xuan bertanggungjawab untuk menghasilkan penanda buku yang menarik. Wei Yong pula bertanggungjawab menghasilkan bingkai gambar yang ***istimewa***. Cai Xuan pula bercadang untuk meminta tunjuk ajar daripada kakaknya yang pandai membuat bekas pensel.

Cikgu Chia berasa bersyukur kerana anak muridnya begitu berdikari dan bertanggungjawab semasa membahagikan tugasan untuk menjayakan Karnival Keusahawanan.

(a) Perkataan *istimewa* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan

_______________________________________________

[1 markah]

(b) Apakah yang Jia Yi, Wen Xuan, Wei Yong dan Cai Xuan berminat?

_______________________________________________

_______________________________________________.

[1 markah]

(c) Siapakah yang bertanggungjawab untuk menghasilkan penanda buku yang menarik?

_______________________________________________

_______________________________________________.

[1 markah]

(d) Mengapakah Cikgu Chia berasa bersyukur?

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________.

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS